

KEMISKINAN PELGABAI DIMENSI BERWAJARAN

Norzita Jamil¹⁺ dan Siti Hadijah Che Mat²

^{1,2} College of Business, Universiti Utara Malaysia

⁺ Coresponding author: norzita@uum.edu.my

Abstrak

Multidimensional Poverty Index (MPI) adalah satu indeks pelbagai dimensi yang mengukur kemiskinan. Berdasarkan MPI, insiden kekurangan yang dialami oleh manusia dan pengalaman manusia yang hidup dalam kemiskinan pada suatu masa dapat dikenal pasti. Hasilnya, satu gambaran yang komprehensif mengenai taraf hidup penduduk yang miskin dengan melihat perbandingan antara negara, wilayah, kumpulan etnik, kawasan bandar dan luar bandar ciri-ciri isi rumah, dan masyarakat dapat dibuat. MPI merupakan indeks yang menggantikan Human Poverty Index (HPI) yang dibangunkan pada tahun 1997 (Human Development Report, 2010). Pada Julai 2010, Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) dan United Nations Development Programme (UNDP) telah melancarkan satu ukuran kemiskinan yang baharu iaitu ukuran kemiskinan “pelbagai dimensi”. Ia dikatakan dapat membantu pembangunan sumber sasaran dengan lebih berkesan (Human Development Report, 2010). Berdasarkan MPI ini, dua output akan terhasil iaitu (1) Headcount Ratio (H), iaitu peratus isi rumah yang miskin yang diperolehi dengan membahagikan jumlah isi rumah yang miskin dengan jumlah semua isi rumah; dan (2) Purata jurang kemiskinan (A), iaitu purata bilangan kekurangan yang dihadapi oleh mereka yang miskin. Purata ini dikira dengan menjumlahkan nisbah kekurangan yang dihadapi oleh setiap orang yang miskin dan dibahagikan dengan jumlah orang yang miskin. Dalam MPI, setiap dimensi boleh diberikan wajaran yang sama atau wajaran yang berbeza bergantung kepada pertimbangan nilai penyelidikan. Pengiraan MPI berwajaran ini dapat memberikan keputusan kadar kemiskinan yang lebih tepat kerana ia mengambil kira bahawa kepentingan satu-satu dimensi ke atas kadar kemiskinan adalah berbeza.

Kata kunci: kemiskinan, kemiskinan pelbagai dimensi, wajaran, head count ratio, dan purata jurang kemiskinan.

JEL Codes: I3

Received 15 Sept 19. Revised 1 Oct 19. Accepted 4 Oct 19 .

Pengenalan

Menurut Alkire dan Santos (2010), *Multidimensional Poverty Index* (MPI) merangkumi tiga dimensi: kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup. Dimensi ini seakan-akan sama dengan dimensi HDI. Walau bagaimanapun, HDI membandingkan antara negara, manakala MPI merujuk kepada isi rumah dan individu. Pada tahun 1997, *Human Poverty Index* diperkenalkan. Ia menggunakan tiga dimensi tetapi indikator yang digunakan diterangkan secara berasingan. HDI dan HPI dikritik kerana ia tidak mengambil kira dimensi tambahan, iaitu dimensi berkaitan hak manusia mahupun dimensi yang terkandung dalam *Millenium Development Goals* (MDGs). Berdasarkan Alkire and Foster (2011), tiga kaedah pemberat diaplikasikan dalam MPI. Ketiga-tiga kaedah ini dapat digunakan secara berasingan mengikut kehendak kajian.

- a. Pertama – antara dimensi (pemberat relatif kesihatan dan pendidikan)
- b. Kedua – dalam dimensi (jika lebih daripada satu indikator digunakan)
- c. Ketiga – antara individu yang disenaraikan

Latar Belakang

Alkire dan Santos (2010) menegaskan bahawa MPI dibangunkan berdasarkan kekurangan yang dialami oleh isi rumah pada masa yang sama. Tetapi persoalannya bagaimanakah sesebuah isi

rumah itu dikategorikan sebagai miskin pelbagai dimensi? Bagi menjawab persoalan ini, dua titik pemisah dalam pengukuran kemiskinan dengan menggunakan MPI diwujudkan. Berikut adalah perbincangan berkaitan titik pemisah dan indikator berwajaran seperti yang dibincangkan oleh Alkire dan Santos (2010):

Pembolehubah k adalah jumlah indikator berwajaran di mana isi rumah yang mengalami kekurangan berdasarkan garis pemisah k akan diklasifikasikan sebagai miskin pelbagai dimensi. Katakan $k = 3$. Apabila $k = 3$, isi rumah dikatakan miskin pelbagai dimensi sekiranya isi rumah tersebut mengalami kekurangan dalam sekurang-kurangnya 30 peratus atau kekurangan dalam 3 indikator daripada 10 indikator. Sebagai contoh, Jadual 1 menunjukkan wajaran yang sama bagi setiap dimensi. Diandaikan terdapat tiga dimensi iaitu kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup, dan terdapat 10 indikator. Oleh itu wajaran bagi dimensi kesihatan adalah 3.33, wajaran bagi dimensi pendidikan adalah 3.33, dan wajaran bagi dimensi taraf hidup adalah 3.33. Isi rumah yang mengalami kekurangan berwajaran 3 dan lebih diklasifikasikan sebagai miskin. Dengan kata lain, isi rumah yang jumlah kekurangannya adalah 30 peratus atau lebih dianggap miskin pelbagai dimensi.

Jadual 1: Wajaran Bagi Setiap Indikator

Dimensi dan indikator	Wajaran indikator
Dimensi Pendidikan (3.33):	
Tahun persekolahan	1.67
Pendaftaran persekolahan kanak-kanak	1.67
Dimensi kesihatan (3.33):	
Kematian bayi	1.67
Nutrisi	1.67
Dimensi Taraf Hidup (3.33):	
Bahan bakar	0.55
Tandas	0.55
Air	0.55
Elektrik	0.55
Lantai	0.55
Pemilikan aset	0.55

Sumber: Ubahsuai daripada Alkire and Santos (2010, 2014)

Secara ringkasnya, setiap satu indikator dalam dimensi kesihatan dan pendidikan mempunyai wajaran sama iaitu 1.67 ($1/2 \times 3.33$) dan wajaran bagi setiap indikator dalam taraf hidup adalah 0.55 ($1/6 \times 3.33$). Mengikut kaedah AF, wajaran bagi setiap dimensi mungkin sama atau berbeza mengikut keutamaan dan kepentingan setiap dimensi. Ini berbeza dengan kaedah pendapatan yang mempunyai wajaran yang sama (Alkire & Seth, 2008).

Permasalahan Dan Objektif Kajian

Umum mengetahui bahawa pengenalan isi rumah yang dianggap miskin di Malaysia adalah apabila pendapatan bulanan isi rumah lebih rendah daripada nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kewajaran pengenalan isi rumah miskin berdasarkan pendapatan ini perlu dipertimbangkan semula kerana ukuran kemiskinan perlu dibuat berdasarkan kesesuaian sosio-ekonomi dan geografi setempat. Walaupun terdapat perbezaan PGK bagi Semenanjung Malaysia dan PGK bagi Sabah dan Sarawak, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia juga berbeza dari segi pembangunan ekonomi dan potensi ekonomi. Keadaan ini mewujudkan jurang yang besar antara kawasan dari segi kemampuan dan

keperluan masyarakat untuk memenuhi keperluan asas mereka. Ukuran kemiskinan menggunakan kaedah AF ini adalah satu alternatif untuk menafsirkan dan menganalisis golongan isi rumah miskin berdasarkan kepentingan kajian apabila nilai wajaran diambil kira dan dimasukkan dalam indikator yang digunakan.

Ulasan Karya

Banyak kajian terdahulu menyatakan bahawa kemiskinan merupakan satu fenomena yang universal dan satu konsep yang luas (Desta, 1999; Meier, 1995; Pieterse, 2001). Bermula pada tahun 1970an, perbincangan tentang kemiskinan tertumpu kepada perbelanjaan dan penggunaan. Konsep kemiskinan kemudiannya dikategorikan mengikut kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (Cling, 2002). Bermula pada tahun 1990an, analisis kemiskinan mengalami kemajuan apabila pengkaji memasukkan elemen sosial. Elemen sosial ini penting bagi menerangkan masalah sosial berbanding kemiskinan (Bhalla & Lapeyre, 1997; Commins, 2004). Kemiskinan adalah hasil sesuatu kejadian, manakala elemen sosial adalah proses yang menyebabkan kemiskinan (hasil). Ini membuktikan betapa pentingnya elemen sosial ditekankan bagi mengetahui masalah sosial masyarakat. Lewat tahun 1990an pula, pendekatan pendapatan atau punca pendapatan digunakan dalam menganalisis kemiskinan. Pendekatan ini mengklasifikasikan aset isi rumah kepada beberapa kategori iaitu manusia, aspek sosial, kewangan, dan modal fizikal. Analisis ini dapat menentukan kekurangan yang dialami oleh individu dan isi rumah (Bhalla & Lapeyre, 1997; Ellis, & Biggs, 2001).

Kini analisis kemiskinan merangkumi skop yang lebih luas, termasuklah kaitan kemiskinan dengan kemudahterancaman, tiada daya upaya atau tiada kuasa, dan ketinggalan atau keterpinggiran daripada kemajuan (Cling, 2002). Kemiskinan juga dikaitkan dengan tingkat kesejahteraan, kepuasan hidup, dan kegembiraan (Kusago, 2007). Jika dilihat aspek kemiskinan berdasarkan bidang pula, Mohd Taib (2000) menyatakan bahawa ahli ekonomi, sosiologi, politik, sejarah, dan perubatan mendefinisikan kemiskinan dari sudut pandangan yang berbeza. Misalnya, ahli ekonomi mendefinisikan kemiskinan dari perspektif jumlah pendapatan, ahli sosiologi mendefinisikan kemiskinan dari perspektif stratifikasi sosial masyarakat, dan ahli perubatan pula mendefinisikan kemiskinan dari perspektif zat atau kalori makanan. Walaupun wujud perbezaan definisi kemiskinan, namun teradapt asas persamaan yang dapat diketengahkan dalam soal mendefinisikan konsep kemiskinan ini, iaitu dari segi keadaan kekurangan—sama ada kekurangan pendapatan, kekurangan dari segi kelas sosial, mahupun kekurangan zat makanan. Semua ini menonjolkan kemiskinan sebagai satu “keadaan kekurangan”.

Oleh itu, analisis kemiskinan tidak terbatas kepada analisis kekurangan dari segi pendapatan tetapi lebih meluas dengan melihat kekurangan dari sudut pelbagai dimensi. Bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang konsep kemiskinan yang berdasarkan pelbagai dimensi, penyelidik telah menganalisis istilah “kekurangan” berdasarkan dimensi (Bhalla & Lapeyre, 1997; Bonfiglioli, 2003; Cling, 2002; Commins, 2004; Draman, 2003; Meier, 1995; Francios & Chakravarty, 2003). Salah satu alternatif untuk menggantikan ukuran kemiskinan berdasarkan kaedah pendapatan adalah ukuran kemiskinan pelbagai dimensi. Ukuran kemiskinan pelbagai dimensi ini lebih menjurus kepada langkah-langkah mengenal pasti “siapa yang miskin” (Alkire & Foster, 2011). Ukuran kemiskinan pelbagai dimensi ini telah ditaksir di beberapa buah negara walaupun menggunakan kaedah yang berbeza seperti kajian Notten (2008) di Republik Congo, Naveed dan Tanweer-ur-Islam (2010) di Pakistan, Mussard dan Alperin (2008) di Argentina, Wagle (2005) di Kathmandu, Nepal, Bourguignon dan Chakravarty (2003) di Brazil, dan Housseima dan Jaleleddine (2012) di Tunisia.

Umum mengetahui bahawa golongan miskin merupakan masyarakat yang memerlukan bantuan agar mereka dapat keluar daripada perangkap kemiskinan. Oleh itu, ukuran kemiskinan haruslah tepat kerana ia akan dapat memberikan kefahaman yang jelas mengenai kemiskinan agar dasar-dasar yang dibentuk diyakini akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster, 2011). Pada tahun 1997, *Human Development Report* dan 2000/1 *World Development Report* menggariskan kemiskinan sebagai satu fenomena pelbagai dimensi. Manakala *Millenium Declaration* dan MDGs mula membincangkan isu kemiskinan secara pelbagai dimensi sejak tahun 2000an lagi. Hasilnya, bidang akademik telah memperkenalkan satu ukuran berdasarkan metodologi baharu untuk menerangkan kemiskinan pelbagai dimensi. Kajian tentang kemiskinan pelbagai dimensi ini telah menarik minat ramai penyelidik dan telah semakin berkembang (Anand & Sen, 1997; Atkinson, 2003; Bourguignon & Chakravarty, 2003; Brandolini & D'Alessio, 1998; Chakravarty & D'Ambrosio, 2006; Chakravarty, Mukherjee & Renade, 1998; Deutsch & Silber, 2005; Duclos, Sahn, & Younger, 2006; Kakwani & Silber, 2008a, 2008b; Thorbecke, 2008; Housseima & Jaleleddine, 2012; Tsui, 2002).

Salah satu kaedah mengukur kemiskinan pelbagai dimensi ialah Kaedah Alkire dan Foster (Kaedah AF). Berdasarkan Kaedah AF, ukuran kemiskinan mengandungi dimensi kemiskinan, garis pemisah dimensi bagi menentukan siapa yang miskin dalam dimensi tersebut, dimensi pemberat yang digunakan bagi menunjukkan kepentingan relatif bagi setiap kekurangan dalam dimensi yang berbeza, dan garis pemisah kemiskinan yang digunakan untuk menentukan siapa yang mengalami cukup kekurangan supaya mereka boleh diklasifikasikan sebagai miskin pelbagai dimensi. Kaedah ini diyakini dapat mengenal pasti siapa yang miskin dan seterusnya menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster, 2011).

Alkire dan Seth (2009) mengkaji kemiskinan di India dengan menggunakan pendekatan ukuran kemiskinan pelbagai dimensi dengan menggunakan Kaedah Alkire dan Foster. Mereka melihat sepuluh dimensi untuk mengukur kemiskinan iaitu tanah, perumahan, sekuriti makanan, sanitasi, aset, pendidikan, buruh, pekerjaan, status anak, dan pinjaman. Dimensi yang paling miskin bagi penduduk India ialah sanitasi, tanah, dan pinjaman. Mereka mendapati hampir separuh daripada isi rumah miskin dalam sebahagian dimensi yang dikenal pasti. Berdasarkan garis kemiskinan pendapatan, isi rumah yang miskin di India yang berada di bawah garis kemiskinan akan diberikan kad BPL (*Below Poverty Line*). Berdasarkan garis pemisah yang ditetapkan, kajian mendapati ada isi rumah yang tidak miskin tetapi diberikan kad BPL dan ada isi rumah yang miskin tetapi tidak diberikan kad BPL. Oleh itu Alkire dan Seth (2009) menyimpulkan bahawa ukuran kemiskinan menggunakan kemiskinan pelbagai dimensi adalah lebih sesuai digunakan berbanding ukuran kemiskinan satu dimensi.

Daripada kajian-kajian lepas berkaitan kemiskinan pelbagai dimensi, satu rumusan dapat dibuat iaitu secara asasnya ukuran kemiskinan pelbagai dimensi dapat menerangkan dengan lebih jelas keadaan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat sesebuah negara. Oleh itu ukuran kemiskinan pelbagai dimensi ini amat penting untuk diaplikasikan sebagai satu ukuran kemiskinan yang baharu. Aplikasi kaedah ini dinilai sewajarnya.

Methodologi

Kajian ukuran kemiskinan MPI dijalankan dengan menggunakan data primer yang diperolehi daripada temu bual bersemuka dengan 378 orang ketua isi rumah di Daerah Sik, Kedah. Responden yang terpilih adalah hasil daripada analisis rawak yang dilakukan oleh Jabatan Statistik Negara. Kajian ini berbentuk kajian kes, dan Sik terpilih memandangkan daerah ini merupakan sebuah daerah termiskin di Kedah dengan peratusan isi rumah miskin adalah 22.13

peratus atau 3322 isi rumah miskin. Ciri-ciri sampel yang diingini adalah penduduk di daerah Sik tergolong kepada golongan miskin dan tidak miskin.

Model kemiskinan yang digunakan mengandungi dimensi dan indikator yang menyumbang kepada kemiskinan. Dimensi kemiskinan bagi golongan miskin adalah berbeza-beza. Antara dimensi yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah keperluan asas kehidupan seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, kajian ini turut memasukkan dimensi yang dirasakan perlu seperti yang dicadangkan oleh kajian-kajian lepas.

Soal selidik distrukturkan berdasarkan dimensi dan indikator yang ingin dianalisis. Soal selidik dibahagikan kepada lapan bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian A: Latar belakang responden
- ii. Bahagian B: Maklumat berkaitan pemakanan dalam sehari
- iii. Bahagian C: Maklumat berkaitan tempat tinggal/rumah
- iv. Bahagian D: Maklumat pakaian
- v. Bahagian E: Maklumat tentang aset
- vi. Bahagian F: Pendidikan
- vii. Bahagian G: Kesihatan
- viii. Bahagian H: Taraf hidup

Kajian ini merupakan satu pendekatan alternatif kepada pendekatan pendapatan dalam mendefinisikan kemiskinan. Pendekatan ini menggunakan kaedah mengukur kemiskinan secara pelbagai dimensi yang mana garisan kemiskinan bagi setiap dimensi yang dikaji adalah berbeza-beza dalam mengukur tahap kemiskinan penduduk Malaysia. Penilaian terhadap kemiskinan memerlukan pemahaman, kawalan, dan jenis kemiskinan di suatu kawasan. Oleh itu, pemboleh ubah kemiskinan yang dicadangkan mestilah bersesuaian dengan kawasan kajian. Ciri-ciri pemboleh ubah tersebut perlu menepati persoalan berikut:

- i. Apakah aspek asas kemiskinan?
- ii. Apakah yang paling relevan dengan kemiskinan?
- iii. Apakah setelah dikenal pasti ia dapat mengurangkan kemiskinan?

Dalam kajian ini, dimensi dan indikator yang diberikan tumpuan adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan komponen dan sub-komponen penilaian kemiskinan pelbagai dimensi yang diubah suai daripada model kemiskinan yang dibentuk oleh *International Fund for Agricultural Development* (IFAD) pada 2009 dan Kaedah Alkire dan Foster (2011). Lapan dimensi, termasuk dimensi pendapatan, dan 22 indikator digunakan dalam pengiraan MPI. Dimensi yang dianggap penting oleh penyelidik berdasarkan hasil pembacaan dan senario realiti keadaan kemiskinan di Malaysia ialah pendapatan, makanan, ciri-ciri rumah, pakaian, pemilikan aset, pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup.

Jadual 2: Dimensi dan Indikator Kajian

Dimensi	Indikator
1. Pendapatan	i. Gaji, pemberian
2. Makanan	i. Kekerapan mengambil makanan sehari ii. Kecukupan makanan yang diambil
3. Ciri-ciri rumah yang didiami	i. Lantai ii. Dinding iii. Bumbung iv. Tandas v. Jumlah bilik tidur

4. Pakaian	i. Kekerapan pembelian pakaian dalam setahun
5. Pemilikan aset	i. Memiliki aset sama ada aset bukan pertanian ataupun aset pertanian
6. Pendidikan	i. Taraf pendidikan ketua keluarga ii. Celik huruf iii. Tahun persekolahan anak-anak iv. Kanak-kanak dalam umur persekolahan yang bersekolah v. Peluang pendidikan bagi ahli isi rumah yang layak
7. Kesihatan	i. Ahli isi rumah yang hilang upaya dan sakit kronik ii. Kemudahan kesihatan yang diperolehi
8. Taraf hidup/ kesejahteraan	i. Status pemilikan rumah ii. Tenaga elektrik iii. Air dan kualiti air iv. Bahan bakar (bahan api utama untuk memasak) v. Aset kelengkapan rumah (TV, peti sejuk, mesin basuh, telefon, kipas angin)

Berikut disenaraikan secara ringkas 12 langkah cara Kaedah Alkare dan Foster (AF) membentuk Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI). Kaedah ini tidak mengandaikan data bersifat berterusan. Kaedah ini sesuai untuk data yang berbentuk kategori/ordinal kerana ia menjadikan ukuran ini lebih mantap. Langkah-langkah tersebut dihuraikan dalam bentuk bukan ayat matematik seperti berikut:

- Langkah 1: Pilih unit analisis.
- Langkah 2: Pilih dimensi.
- Langkah 3: Pilih indikator.
- Langkah 4: Tetapkan garis kemiskinan untuk setiap dimensi.
- Langkah 5: Gunakan garisan kemiskinan iaitu gantikan pencapaian seseorang itu dengan statusnya yang dikaitkan dengan garis kemiskinan.
- Langkah 6: Kira jumlah kekurangan untuk setiap isi rumah.
- Langkah 7: Tetapkan garis kemiskinan yang kedua. Garis kemiskinan yang kedua, k , menetapkan bahawa jumlah dimensi seseorang itu harus kurang bagi membolehkannya dikategorikan sebagai miskin pelbagai dimensi.
- Langkah 8: Gunakan garis kemiskinan, k untuk mendapatkan set orang yang miskin dan menapis data mereka yang tidak miskin.
- Langkah 9: Kira kadar kemiskinan (*head count ratio*), H . Bahagikan jumlah individu yang miskin dengan jumlah kesemua individu.
- Langkah 10: Kira purata jurang kemiskinan, A , iaitu purata bilangan kekurangan yang dihadapi oleh mereka yang miskin. Ia dikira dengan menjumlahkan nisbah kekurangan yang dihadapi oleh setiap orang yang miskin dan dibahagikan dengan jumlah orang yang miskin
- Langkah 11: Kira kadar kemiskinan terselaras (*adjusted head count ratio*), M_o , yang boleh diperolehi dengan mendarabkan H dengan A .
- Langkah 12: Pisahkan mengikut kumpulan dan dimensi. Kadar kemiskinan terselaras, M_o boleh dipisahkan mengikut sub-kumpulan seperti agama, bandar/luar bandar, dan kaum.

Keputusan Kajian

Menurut Kaedah AF, wajaran untuk setiap dimensi bebas ditetapkan bergantung kepada matlamat atau kepentingan sesuatu dimensi. Mungkin dimensi pendidikan dianggap lebih penting daripada dimensi kesihatan atau sebaliknya. Keadaan ini akan mendorong pembuat dasar untuk meletakkan wajaran yang lebih besar kepada dimensi yang dianggap penting. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa dimensi yang penting diberikan penekanan sewajarnya bagi mengatasi masalah kemiskinan.

Pemberian wajaran yang berbeza kepada dimensi yang berbeza akan memberikan satu gambaran ukuran kemiskinan pelbagai dimensi yang lebih telus dan tepat dalam menggambarkan kemiskinan kerana ia melibatkan pertimbangan nilai. Jadual 3 menunjukkan nilai wajaran yang sama diberikan kepada setiap dimensi ($1/8$ atau 0.125). Nilai wajaran yang sama ini dibuat dengan andaian bahawa setiap dimensi mempunyai kepentingan yang sama rata dalam menyumbang kepada kemiskinan (Alkire & Seth, 2008). Namun begitu, apabila wajaran ditetapkan untuk setiap indikator yang terdapat dalam setiap dimensi, nilai wajaran bagi indikator adalah berbeza bergantung kepada bilangan indikator yang ada dalam setiap dimensi. Misalnya, bagi setiap indikator dalam dimensi makanan wajarannya adalah $1/16$, manakala wajaran bagi setiap indikator dalam dimensi ciri-ciri rumah yang didiami adalah $1/40$.

Jadual 3: Wajaran Yang Sama Untuk Setiap Dimensi

Dimensi		Indikator	Wajaran
1. Pendapatan	i.	Gaji, pemberian, sumbangan	$1/8$
2. Makanan	i.	Kekerapan mengambil makanan sehari	$1/16$
	ii.	Kecukupan makanan yang diambil	$1/16$
3. Ciri-ciri rumah yang didiami	i.	Lantai	$1/40$
	ii.	Dinding	$1/40$
	iii.	Bumbung	$1/40$
	iv.	Tandas	$1/40$
	v.	Jumlah bilik tidur	$1/40$
4. Pakaian	i.	Kekerapan pembelian pakaian setahun	$1/8$
5. Pemilikan aset	i.	Pemilikan aset atau harta benda	$1/8$
6. Pendidikan	i.	Taraf pendidikan ketua keluarga	$1/40$
	ii.	Celik huruf	$1/40$
	iii.	Tahun persekolahan anak-anak	$1/40$
	iv.	Kanak-kanak dalam umur persekolahan yang bersekolah	$1/40$
	v.	Peluang pendidikan bagi isi rumah yang layak (lepasan SPM)	$1/40$

7. Kesihatan	i.	Ahli isi rumah yang hilang upaya atau sakit kronik	1/16
	ii.	Kemudahan kesihatan yang diperolehi	1/16
8. Taraf hidup/Kesejahteraan	i.	Status pemilikan rumah	1/40
	ii.	Tenaga elektrik	1/40
	iii.	Air dan kualiti air	1/40
	iv.	Bahan bakar (bahan api utama untuk memasak)	1/40
	v.	Aset kelengkapan rumah (TV, peti sejuk, mesin basuh, telefon, kipas angin)	1/40

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian apabila nilai wajaran yang sama diberikan kepada setiap lapan dimensi. Jika garis kemiskinan ditetapkan pada $k \geq 4$, sebanyak 34.66 peratus atau 131 isi rumah adalah miskin dalam pelbagai dimensi. Penetapan garis pemisah empat atau lebih dalam analisis berwajaran ini bukan bermakna isi rumah kekurangan dalam empat dimensi, tetapi isi rumah sebenarnya kekurangan sebanyak empat dimensi dan lebih. Purata kemiskinan (A) pula adalah sebanyak 31.36 peratus. Ini bermakna bahawa dalam kalangan isi rumah miskin (131), secara purata mereka mengalami kekurangan sebanyak 31.36 peratus daripada keseluruhan dimensi kemiskinan (22 dimensi). Manakala MPI iaitu kadar kemiskinan terselaras (M_0) adalah 0.1086. Ini bermakna kedalaman kemiskinan isi rumah mengalami kekurangan daripada keseluruhan kekurangan adalah 10.86 peratus. Nilai ini juga menunjukkan keseriusan keadaan kemiskinan—kritikal atau tidak kritikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedalaman kemiskinan akan semakin berkurangan jika garis pemisah ditingkatkan. Ini bermaksud bahawa bilangan isi rumah yang mengalami kemiskinan pelbagai dimensi dalam banyak dimensi adalah semakin berkurangan. Majoriti isi rumah iaitu 53.44 peratus atau 202 isi rumah mengalami kekurangan dalam sekurang-kurangnya dua dimensi, dan hanya sebuah isi rumah yang mengalami kekurangan dalam 13 dimensi.

Jadual 4: Anggaran Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) Pada Tahap Agregat Menggunakan Wajaran Yang Sama

Titik Pemisah Agregat (k)	Bilangan Isi Rumah Yang Miskin	Kadar Kemiskinan (H)	Purata Kemiskinan (A)	Kadar kemiskinan Terselaras (M_0) MPI
≥ 2	202	0.5344	0.2564	0.1370
≥ 3	181	0.4789	0.2722	0.1304
≥ 4	131	0.3466	0.3136	0.1086
≥ 5	97	0.2567	0.3523	0.0904
≥ 6	73	0.1931	0.3868	0.0747
≥ 7	54	0.1429	0.4208	0.0601
≥ 8	35	0.0926	0.4617	0.0428
≥ 9	26	0.0688	0.4879	0.0335
≥ 10	13	0.0344	0.5442	0.0187
≥ 11	9	0.0238	0.575	0.0136
≥ 12	5	0.0132	0.6125	0.0081
≥ 13	1	0.0026	1.35	0.0035

Jadual 5 menunjukkan nilai wajaran yang berbeza diletakkan pada setiap dimensi mengikut kepentingan sasaran. Sebagai contoh, dimensi pendapatan dan pendidikan diandaikan penting

dalam usaha mengurangkan kemiskinan pelbagai dimensi. Oleh itu, kajian ini meletakkan wajaran sebanyak dua kali ganda kepada dimensi tersebut. Dimensi pendapatan dan pendidikan dipilih atas dasar bahawa kedua-dua dimensi ini boleh berubah/dikawal untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Misalnya dari aspek pendapatan, usaha-usaha mahupun bantuan daripada sektor kerajaan dan swasta berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah. Begitu juga dengan aspek pendidikan; peluang-peluang pendidikan sama ada yang berunsur bukan teknikal dan teknikal dapat meningkatkan kemahiran dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan isi rumah. Dimensi kesihatan yang diangkap takdir agak sukar untuk diselesaikan dan dielakkan. Oleh itu, penyelidik memutuskan bahawa dimensi pendapatan dan pendidikan ialah dimensi yang paling penting untuk dianalisis sebagai teras dan asas yang perlu diubah ke arah yang lebih baik.

Jadual 5 menunjukkan nilai wajaran yang telah ditetapkan oleh penyelidik setelah mengambil kira alasan yang telah dinyatakan sebelum ini. Wajaran bagi dimensi pendapatan dan pendidikan adalah 0.2 dan dimensi lain adalah 0.1.

Jadual 5: Wajaran Yang Berbeza Untuk Setiap Dimensi

Dimensi		Indikator	Wajaran
1. Pendapatan (20%)	i.	Gaji, pemberian, sumbangan	0.2
2. Makanan (10%)	i.	Kekerapan mengambil makanan sehari	0.05
	ii.	Kecukupan makanan yang diambil	0.05
3. Ciri-ciri rumah yang didiami (10%)	i.	Lantai	0.02
	ii.	Dinding	0.02
	iii.	Bumbung	0.02
	iv.	Tandas	0.02
	v.	Jumlah bilik tidur	0.02
4. Pakaian (10%)	i.	Kekerapan pembelian pakaian setahun	0.1
5. Pemilikan aset (10%)	i.	Pemilikan aset atau harta benda	0.1
6. Pendidikan (20%)	i.	Taraf pendidikan ketua keluarga	0.04
	ii.	Celik huruf	0.04
	iii.	Tahun persekolahan anak-anak	0.04
	iv.	Kanak-kanak dalam umur persekolahan yang bersekolah	0.04
	v.	Peluang pendidikan bagi isi rumah yang layak (lepasan SPM)	0.04
7. Kesihatan (10%)	i.	Ahli isi rumah yang hilang upaya atau sakit kronik	0.05
	ii.	Kemudahan kesihatan yang diperolehi	0.05

8. Taraf hidup/Kesejahteraan (10%)	i.	Status pemilikan rumah	0.02
	ii.	Tenaga elektrik	0.02
	iii.	Air dan kualiti air	0.02
	iv.	Bahan bakar (bahan api utama untuk memasak)	0.02
	v.	Aset kelengkapan rumah (TV, peti sejuk, mesin basuh, telefon, kipas angin)	0.02
Jumlah			

Hasil perletakan wajaran seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5 menghasilkan keputusan analisis pada Jadual 6. Jika $k \geq 4$, peningkatan berlaku dalam peratusan kemiskinan pelbagai dimensi sekiranya hasil dapatan ini (44.17 peratus) dibandingkan dengan analisis dimensi yang mempunyai wajaran yang sama (34.66 peratus) (rujuk Jadual 4). Peningkatan sebanyak 9.51 peratus dalam kadar kemiskinan pelbagai dimensi bersamaan 36 buah isi rumah yang miskin. Sementara itu, purata kemiskinan (A) dan kadar kemiskinan terselaras (M_0) masing-masing meningkat kepada 36.16 peratus dan 15.97 peratus. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa apabila wajaran ditetapkan berdasarkan kepentingan dasar dan matlamat, kadar kemiskinan pelbagai dimensi akan meningkat. Peningkatan ini boleh memberikan gambaran kepada pembuat dasar agar penekanan dibuat kepada usaha mencipta satu program atau aktiviti yang boleh menjana lebih pendapatan bagi golongan yang dikategorikan miskin. Begitu juga halnya dengan pendidikan. Usaha-usaha memberikan peluang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada golongan miskin ini perlu giat dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup sesebuah keluarga. Senario kebergantungan hidup hanya kepada seorang ahli isi rumah sahaja perlu dielakkan agar semua ahli isi rumah mempunyai tanggungjawab untuk memberikan keselesaan kepada seluruh isi rumah. Ini secara tidak langsung menjadi benteng pertahanan daripada isi rumah menjadi miskin jika salah seorang penyumbang kepada pendapatan keluarga tidak dapat bekerja disebabkan musibah yang tidak dapat dielakkan.

Jadual 6: Anggaran Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) Pada Tahap Agregat Menggunakan Pemberat Yang Berbeza

Titik Pemisah Agregat (k)	Bilangan Isi Rumah Yang Miskin	Kadar Kemiskinan (H)	Purata Kemiskinan (A)	Kadar kemiskinan Terselaras (M_0) MPI
≥ 2	205	0.5423	0.3195	0.1733
≥ 3	190	0.5026	0.3359	0.1689
≥ 4	167	0.4417	0.3616	0.1597
≥ 5	140	0.3703	0.3913	0.1449
≥ 6	108	0.2857	0.4333	0.1238
≥ 7	91	0.2407	0.4589	0.1104
≥ 8	66	0.1746	0.5059	0.0883
≥ 9	60	0.1587	0.5185	0.0823
≥ 10	39	0.1031	0.5672	0.0585
≥ 11	27	0.0743	0.6089	0.0435
≥ 12	18	0.0476	0.6511	0.0310
≥ 13	11	0.0291	0.6990	0.0203

Jadual 7 meringkaskan analisis MPI wajaran yang sama dan wajaran yang berbeza yang menghasilkan nilai H yang berbeza. Jika dibandingkan keputusan analisis kemiskinan dengan wajaran yang sama dan wajaran yang berbeza bagi setiap dimensi, setiap garis pemisah k , peratusan isi rumah yang miskin berwajaran yang berbeza adalah lebih tinggi daripada analisis berwajaran yang sama. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa dimensi pendapatan dan

pendidikan merupakan dimensi yang amat mempengaruhi kadar kemiskinan, dan ia seharusnya diberikan penekanan untuk berubah ke arah yang lebih baik agar kadar kemiskinan dapat dikurangkan.

Keputusan meletakkan wajaran ini adalah wajar memandangkan wajaran diberikan pada setiap dimensi kerana penyelidik mengambil kira kepentingan setiap dimensi dalam mempengaruhi kadar kemiskinan. Wajaran adalah kepentingan relatif sesuatu dimensi dalam mempengaruhi kadar kemiskinan. Ini berdasarkan bahawa kepentingan dimensi dalam kehidupan harian isi rumah adalah berbeza-beza. Wajaran yang sama digunakan apabila setiap dimensi diandaikan mempunyai kepentingan dan pengaruh yang sama terhadap kadar kemiskinan. Sebaliknya pemberat yang berbeza diberikan apabila dimensi yang sangat mempengaruhi kadar kemiskinan dapat dikenal pasti.

Jadual 7: Anggaran Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) Pada Tahap Agregat Dengan Wajaran Yang Sama dan Dengan Wajaran Yang Berbeza

Titik Pemisah Agregat (k)	Dengan wajaran Yang Sama		Dengan wajaran Yang Berbeza	
	Kadar Kemiskinan (H)	Bilangan Isi Rumah Yang Miskin	Kadar Kemiskinan (H)	Bilangan Isi Rumah Yang Miskin
≥ 2	0.5344	202	0.5423	205
≥ 3	0.4789	181	0.5026	190
≥ 4	0.3466	131	0.4417	167
≥ 5	0.2567	97	0.3703	140
≥ 6	0.1931	73	0.2857	108
≥ 7	0.1429	54	0.2407	91
≥ 8	0.0926	35	0.1746	66
≥ 9	0.0688	26	0.1587	60
≥ 10	0.0344	13	0.1031	39
≥ 11	0.0238	9	0.0743	27
≥ 12	0.0132	5	0.0476	18
≥ 13	0.0026	1	0.0291	11

Cadangan dan Kesimpulan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyifatkan kemiskinan yang dilaporkan bagi Malaysia adalah tidak realistik. Kadar kemiskinan 0.4 peratus bagi tahun 2016, menurut Philip Alston, Pegawai Kanan PBB, adalah tidak realistik kerana Malaysia meletakkan aras perbandingan yang rendah tanpa mengambil kira kos sara hidup. Menurut beliau, kadar kemiskinan yang sepatutnya adalah 15 peratus. Aras perbandingan PGK telah digunakan oleh Malaysia saban tahun untuk dijadikan garis pemisah antara isi rumah miskin dan tidak miskin. PGK ini telah dikemas kini oleh pihak EPU (Unit Perancang Ekonomi) (Janatul Firdaus, 2019).

Definisi dan ukuran kemiskinan mengikut pandangan penyelidik adalah sesuatu yang subjektif. Definisi dan ukuran kemiskinan akan sentiasa berubah-ubah bergantung kepada situasi, tempat, masa, dan persekitaran kawasan kajian. Oleh kerana kemiskinan itu adalah “subjektif”, penilaian tentang kemiskinan bergantung kepada hasil kajian penyelidik. Sudut mana yang ingin diberikan penekanan maka hasilnya akan direkodkan sebagai dapatan yang perlu dititikberatkan.

Berdasarkan senario laporan, kadar kemiskinan semakin berkurangan setiap tahun. Sehingga 2018, kadar kemiskinan adalah 0.3 peratus. Angka yang semakin mengecil ini memperlihatkan

matlamat dasar negara untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan telah tercapai. Walau bagaimanapun, persoalannya adakah rekod ini menggambarkan senario sebenar kemiskinan di Malaysia? Sejajurnya, kadar kemiskinan jika diamati tidak semestinya terus berkurangan. Kadar ini boleh meningkat selari dengan peningkatan taraf hidup. Ia boleh juga meningkat akibat perubahan persekitaran ekonomi tempatan/ dunia, perubahan musim, dan penyakit yang memberikan kesan kepada golongan terancam kemiskinan (*vulnerable group*). Golongan inilah yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Malaysia telah membuat kemajuan sebenar dalam pelbagai komitmen progresif, tetapi kerajaan tidak boleh menafikan kewujudan orang miskin dan terpinggir. PGK terkini sebanyak RM980 adalah berdasarkan isi rumah empat orang. Jika amaun ini dibahagi sama rata untuk setiap isi rumah, setiap isi rumah mempunyai lebih kurang RM8 sahaja untuk perbelanjaan seharian. Adakah ini mencukupi?

Kerajaan perlu segera mengkaji semula cara ia mengukur kemiskinan agar ia mencerminkan kos hidup negara dan keadaan semasa. Kajian ini memperkenalkan satu alternatif untuk mengukur kadar kemiskinan. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada satu lagi laporan mengenai senario kemiskinan di kawasan kajian khususnya dan Malaysia umumnya. Jumlah laporan yang kurang tentang kadar kemiskinan juga telah menyebabkan kurangnya pelaburan dalam pembasmian kemiskinan dan jaringan keselamatan sosial yang tidak mencukupi yang sekali gus tidak memenuhi keperluan rakyat. Oleh itu, kajian tentang kemiskinan ini diharap dapat membantu Malaysia untuk merancang strategi yang terbaik dalam merekodkan kemiskinan agar strategi dan perancangan dasar untuk golongan sasaran dan matlamat tercapai.

Rujukan

- Alkire, S. & Foster, J. (2011). Understanding and Misunderstanding of Multidimensional Poverty Measurement. *OPHI Working Paper No. 43*. University of Oxford.
- Alkire, S & Santos, M. E. (2010). Acute Multidimensional Poverty: A New Index For Developing Countries. *Human Development Report*. United Nations Development Programme.
- Alkire, S. & Seth, S. (2008). Determining BPL Status Some Methodological Improvements. *Indian Journal of Human Development*, 2 (2), 407-424.
- Anand, S. & Sen, A. (1997). Concepts of Human Development and Poverty: A Multidimensional Perspective. New York: UNDP.
- Alkire, S & Santos, M. E. (2010). Acute Multidimensional Poverty: A New Index For Developing Countries. *Human Development Report*. OPHI Working Paper 38, University of Oxford; also published as *Human Development Research Paper* 2010/11.
- Alkire, S. and Santos, M. E. (2014). 'Measuring Acute Poverty in the Developing World: Robustness and Scope of the Multidimensional Poverty Index', *World Development*, 59, 251-74.
- Atkinson, A. (2003) Multidimensional Deprivation: Contrasting Social Welfare and Counting Approaches, *Journal of Economic Inequality*, 1 (1), 51 – 65.
- Bhalla, A., & Lapeyre, F. (1997) Sosial Exclusion: Towards an Analytical and Operational Framework. *Development and Change*, 28(3), 413-433.
- Bonfiglioli, A. (2003). Empowering the Poor. Local Governance for Poverty Reduction. New York: United Nations Capital Development Fund (UNCDF).
- Bourguignon, F. & Chakravarty, S. (2003). The Measurement of Multidimensional Poverty, *Journal of Economic Inequality*, 1 (1), 25 – 49
- Brandolini, A. & D'Alessio, G. (1998). *Measuring Well-Being in the Functioning space*. Rome; Banco d'Italia Research Department.
- Chakravarty, S., Mukherjee, D. & Renade, R. (1998). On the Family of Subgroup and Factor Decomposable Measures of Multidimensional Poverty. *Research on Economic Inequality*, 8: 175 – 194.
- Chakravarty, S. & D'Ambrosio, S. (2006). The Measurement of Social Exclusion. *Review of Income and Wealth*, 53 (3): 377 – 398.
- Cling, J-P. (2002). *A Critical Review of the World Bank's Stance on Poverty Reduction*. Dalam ebook: Cling, J-P, Razafindrakoto & Rounbaud, F, New International Poverty Reduction Strategies.
- Commings, P. (2004). Poverty and Social Exclusion in Rura Area: Characteristic, Processes and Research Issues. *Sociologia Ruralis*, 44(1), 60-75
- Desta, A. (1999). Environmentally Sustainable Economic Development. Westport: Prageger.
- Deutsch, J. & Silber, J. (2005). Measuring Multidimensional Poverty: An Empirical Comparison of Various Approaches, *The Review of Income and Wealth*, 51, 145 – 174.
- Draman, R. (2003). *Poverty and Conflict in Africa: Explaining a Complex Relationship*. Addis Ababa: Africa-Canada Parliamentary Strengthening Program.
- Duclos, J. –Y., Sahn, D. & Younger, S. (2006). Robust Multidimensional Poverty Comparison, *The Economic Journal*, 116 (514), 943 – 968.
- Ellies, F., & Biggs, S. (2001) Evolving Themes in Rural Developmet 1950s – 2000s. *Development Poliy Review* 19(4), 437-448.
- Francios, B., & Chakravarty, S. R. (2003). The Measurement of Multidimensional Poverty. *The Journal of Economic Inequality*, 1(1), 25-49

- Housseima, G. & Jaleleddine, B. R. (2012). Multidimensional Poverty in Tunisia: A non-Monetary Approach Applied to East-Central Tunisia. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 3(9), 75-89.
- Kakwani, N. & Silber, J. (2008a). *The many Dimensions of Poverty*. Basingstoke: Palgrave MacMillan.
- Kakwani, N. & Silber, J. (2008b). *Quantitative Approaches to Multidimensional Poverty Measurement*. Basingstoke: Palgrave MacMillan.
- Kusago, T. (2007). Rethinking of Economic Growth and Life Satisfaction in Post-WWII Japan – A Fresh Approach. *Social Indicators Research*, 81, 79-102.
- Meier, G. M. (1995). *Leading Issue in Economic Development*. New York: Oxford University Press
- Mohd. Taib Dora (2000). *Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mussard, S. & Alperin, M. N. P. (2008). Inequalities in pelbagai dimensional poverty: evidence from Argentina. *Applied Economics Letters*, 15, 759-765.
- Naveed, A., & Tanweer-ul-Islam (2010). *Estimating Multidimensional Poverty and identifying the poor in Pakistan: an Alternative Approach*. RECOUP Working Paper No.28. Research Consortium on Educational Outcomes and Poverty.
- Notten, G. (2008). *Multidimensional Poverty in the republic of Congo: Being Poor Simultaneously in Many Ways*. BWPI Working Paper 65. Brooks World Poverty Institute.
- Pieterse, J. N.(2001). *Development Theory. Deconstruction/Recpnstruction*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Thorbecke, E. (2008). *Multidimensional Poverty: Conceptual and Measurement Issues*, dalam N. Kakwani and J. Silber (eds), *The Many Dimensions of Poverty*. Basingstoke: Palgrave MacMillan.
- Tsui, K. (2002). Multidimensional Poverty Indices, *Social Choice and Welfare*, 19 (1), 69 – 93.
- Wagle, U. R (2005). Mutidimensional Poverty Measurement with economic well-being, Capability, and social inclusion: A case from Kathmandu, Nepal. *Journal of Human Development*, 6 (3), 301-328.
- Janatul Firdaus, Y. (2019). *Kadar rekod kemiskinan di Malaysia tidak tepat: PBB*. Sinaran Harian, 23 Ogos 2019, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/44418/BERITA/Nasional/Kadar-rekod-kemiskinan-di-Malaysia-tidak-tepat-PBB>